

Kaca di Jendela

Oleh HASSAN AHMAD

Bahasa Melayu Selepas 50 Tahun

Dalam tempoh 50 tahun, dua perkembangan besar berlaku kepada bahasa Melayu. Pertama, perkembangannya menjadi bahasa budaya tinggi pada zaman moden. Kedua, cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu daripada orang Melayu sendiri, terutama mereka yang berkuasa menentukan nasib bahasa ini.

Dalam perkembangan pertama, melalui dasar bahasa yang terbentuk pada 1957 dan melalui proses perancangan bahasa yang dikendalikan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956, bahasa Melayu berjaya "diangkat semula" menjadi bahasa budaya tinggi di negara ini. Berkat sistem pendidikan kebangsaan (berasaskan wawasan Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956) yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, terdapat lima kemajuan yang dicapai oleh bahasa Melayu iaitu:

- Bahasa Melayu berjaya melahirkan pelajar daripada semua kaum (dari sekolah rendah kebangsaan hingga ke peringkat pengajian tinggi) yang terdidik dalam bahasa Melayu.
- Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama di peringkat pengajian tinggi dalam tempoh kira-kira 13 tahun sahaja selepas 1957 apabila Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada 1970. Sebelum itu, pada 1965, kumpulan pertama pelajar sekolah menengah kebangsaan (dari Sekolah Menengah Aminuddin Baki) diterima masuk ke Universiti Malaya untuk mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama sepenuhnya dalam bahasa Melayu.
- Mulai 1982 semua kursus ijazah pertama di semua institusi pengajian tinggi di negara ini diajar dalam bahasa Melayu.
 - Pada 1970-an, buku teks dalam semua mata pelajaran yang digunakan di sekolah kebangsaan (termasuk sekolah jenis kebangsaan aliran Inggeris yang ditukarkan taraf kepada sekolah kebangsaan pada 1970) ditulis dalam bahasa Melayu. Sehingga akhir 1990-an, tidak kurang daripada 5000 judul buku

PEJABAT lama DBP di Bukit Timbalan, Johor Bahru.

dan jurnal ilmiah berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu diterbitkan.

- Dalam tempoh 30 tahun (1970 - 2000), sistem pendidikan kebangsaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utamanya melahirkan ribuan sarjana, profesor, dan pakar dalam pelbagai bidang ilmu.

Pada masa yang sama, berkat kegigihan para perancang bahasa Melayu membina korpus peristilahan, lebih daripada 600 ribu istilah, baik yang khusus mahupun umum, dibentuk, diselaraskan, dimantapkan dan dibakukan.

Kerja pembinaan korpus peristilahan bahasa Melayu mulai dilakukan dengan kerjasama negara-negara berbahasa Melayu, iaitu Indonesia dan (kemudiannya) Brunei-Darussalam, sehingga pada 1975 terbit buku berjudul, *Pedoman Umum Pembentukan Istilah* yang dapat digunakan bersama di Malaysia dan Indonesia, kemudiannya Brunei Darussalam apabila negara itu menjadi anggota Majlis Bahasa Indonesia-Brunei-Malaysia (MABBIM).

Wilayah penutur bahasa Melayu tidak hanya terhad di Malaysia tetapi meliputi seluruh kawasan "Dunia Berbahasa Melayu" di rantau ini. Bahasa ini digunakan oleh lebih daripada 280 juta manusia di seluruh dunia dan penutur terbanyaknya ialah di Indonesia.


Sejak 1956 hingga akhir 2000, ribuan orang pakar dalam pelbagai bidang ilmu, ahli bahasa, pemikir budaya, dan ahli dalam pelbagai profesion, terlibat dalam kerja besar pembinaan atau perancangan bahasa Melayu, bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh rantau berbahasa Melayu. Kos perancangan bahasa dalam tempoh 50 tahun ini melibatkan ratusan juta ringgit yang dibelanjakan untuk membiayai infrastruktur dan organisasi bahasa.

Namun pada abad ke-21 ini segala kemajuan luar biasa yang dicapai itu mulai tercabar. Cabaran itu datang daripada orang Melayu sendiri. Semua ini berlaku kerana dua golongan utama orang Melayu yang sangsi terhadap keupayaan bahasa Melayu menjadi alat kemajuan negara. Kedua, golongan orang Melayu yang merosakkan imej bahasa Melayu sebagai bahasa budaya tinggi.

Orang Melayu golongan pertama

sering mengungkapkan, "Jika orang Melayu hendak menjadi bangsa yang maju di dunia sekarang mereka hendaklah menguasai bahasa Inggeris". Tersirat dalam ungkapan ini ialah bahasa Melayu tidak boleh menjadi alat kemajuan. Bahasa Melayu hanya berguna di negara ini sebagai "bahasa perpaduan" – entah apalah yang mereka maksudkan dengan istilah "bahasa perpaduan" ini.

Orang Melayu golongan kedua pula melibatkan semua lapisan sosial – remaja, dewasa, pegawai kerajaan, ahli Parlimen, pelajar sekolah, pengacara televisyen, pelakon, penyanyi dan menteri (walau-



Negara ini sudah sampai ke tahap yang agak mencemaskan, iaitu tahap "mempertahankan" kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa pendidikan, dan bahasa ilmu yang dibina selama 50 tahun.

pun tidak semuanya) – yang seolah-olah tidak mampu lagi menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Mereka lebih kerap menggunakan bahasa Melayu ragam rendah dan kacukan Inggeris-Melayu yang mewujudkan kerancuan bahasa.

Ada dua akibat daripada situasi ini. Pertama, orang Melayu tidak akan mampu berfikir dengan jelas, mendalam dan kreatif dalam bahasanya sendiri. Malah mereka juga tidak mampu berfikir dengan jelas dan mendalam dalam bahasa apa-apa pun jika bahasa kedua yang mereka pelajari itu (misalnya bahasa Inggeris), hanya setakat untuk membolehkan mereka berbual-bual, tetapi tidak cukup untuk digunakan untuk tujuan yang lebih tinggi, misalnya untuk mempelajari ilmu yang terdapat dalam bahasa itu.

Akibat kedua ialah bahasa Melayu akhirnya menjadi bahasa tidak penting lagi di negara ini. Bahasa Melayu akan terpinggir dalam arus pembangunan negara. Golongan yang akan maju ialah

mereka yang menguasai bahasa lain. Golongan yang mundur ialah bangsa Melayu yang sudah terputus daripada budaya bahasanya yang tinggi.

Kejayaan besar DBP selama 50 tahun ini ialah kejayaannya membina dan mengembangkan korpus bahasa Melayu, khususnya korpus peristilahan ilmu dalam bahasa Melayu. Namun, hari ini masalah bahasa Melayu bukan lagi masalah korpus bahasa, bukan lagi masalah peristilahan, ejaan, tatabahasa baku, dan sebagainya. Masalah ini, jika pun ada, telah lama diselesaikan oleh DBP.

Masalah yang dihadapi oleh bahasa Melayu sekarang ialah masalah "pembudayaan bahasa" ini. Hal ini melibatkan tiga jenis perancangan bahasa yang perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan melalui DBP, iaitu:

- Perancangan menentang dan menghapuskan persepsi yang salah terhadap bahasa Melayu.
- Perancangan mendidik orang Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia amnya supaya menjadi bangsa yang mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik.
- Usaha memperkayakan "isi budaya" bahasa Melayu melalui penulisan, penterjemahan, dan penerbitan buku ilmu dalam bahasa Melayu.

DBP tidak mempunyai kuasa untuk menentang apa-apa keputusan pemerintah yang dianggap boleh mengugut taraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa pembangunan di negara ini. Namun, kuasa politik dan kuasa undang-undang yang tidak ada pada DBP ini dapat diimbangi secara bijaksana melalui tiga jenis perancangan pembudayaan bahasa Melayu seperti yang disebutkan tadi.

Negara ini sudah sampai ke tahap yang agak mencemaskan, iaitu tahap "mempertahankan" kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa pendidikan, dan bahasa ilmu yang dibina selama 50 tahun. Berikutan itu, seluruh bangsa Melayu harus bersepakat, memadu suara dan tenaga untuk menentang sebarang tindakan yang merosakkan kedudukan bahasa Melayu. DBP tidak mampu menjalankan tugas ini sendirian. ■

Datuk Dr. Hassan Ahmad ialah Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan. Beliau juga merupakan bekas wakil Tetap Malaysia ke UNESCO dan bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.